

## PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA

# FTSE Bursa Malaysia KLCI etf

(dana didagang pada bursa yang diwujudkan di Malaysia pada 18 Januari 2007 dan ditubuhkan pada 7 Jun 2007)

### PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 ("PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA") DAN HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 6 OGOS 2021

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaian dan sebut harga unit-unit FTSE Bursa Malaysia KLCI etf ("Dana") pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan satu salinan Prospektus Tambahan Pertama ini telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Pertama ini, tidak boleh diambil sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana atau mengambil tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat yang diberikan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus bertarikh 16 April 2021 atau Prospektus Tambahan Pertama ini bertarikh 31 Mac 2022. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, menimbang merit-merit sekuriti yang ditawarkan bagi pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan di pihak AmFunds Management Berhad, syarikat pengurusan yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan Prospektus Tambahan Pertama ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami timbul daripada atau dalam kebergantungan ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus Tambahan Pertama ini.

Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau Unit-unit Dana.

## Prospektus Tambahan Pertama Bertarikh 31 MAC 2022

Pengurus

**AmFunds Management Berhad**

Nombor syarikat: 198601005272 (154432-A)

Pemegang Amanah

**HSBC (Malaysia) Trustee Berhad**

Nombor syarikat: 193701000084 (1281-T)



**AmInvest**

**Growing Your Investments in a Changing World**

**PENAFIAN** - PELABUR-PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI. SEKIRANYA RAGU-RAGU, SILA MINTA NASIHAT PENASIHAT PROFESIONAL.

UNTUK MAKLUMAT BERHUBUNG DENGAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL-BAKAL PELABUR, LIHAT "FAKTOR-FAKTOR RISIKO" BERMULA PADA MUKA SURAT 15 PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021.

# **INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021**

## **PENYATA TANGGUNGJAWAB**

Para pengarah AmFunds Management Berhad telah melihat dan meluluskan Prospektus Tambahan Pertama ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta-fakta lain yang sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini palsu atau mengelirukan.

## **PENYATA TAMBAHAN**

Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa mereka mungkin boleh mendapatkan rekursa di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk apa-apa kenyataan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini yang adalah palsu, mengelirukan, atau daripada mana terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa tindakan yang mengelirukan atau mengabui berhubung dengan Prospektus Tambahan Pertama ini atau tindakan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana.

## **DATA PERIBADI**

Sebagai sebahagian daripada perniagaan hari ke hari kami, kami mengumpul maklumat peribadi anda apabila anda memohon untuk membuka akaun dengan kami, melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami. Sebagai balasan, kami boleh mengguna maklumat ini bagi menyediakan anda dengan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan kami, menyimpan rekod kami atau menghantar maklumat berkenaan anda. Kami boleh mengguna maklumat peribadi anda yang mana termasuk maklumat mengenai mana-mana urusan niaga yang dijalankan dengan kami, untuk satu tujuan berikut atau lebih, sama ada di Malaysia atau sebaliknya:

- a. Menilai kelayakan atau kesesuaian anda dengan produk kami yang anda telah pohon dan untuk mengesahkan identiti atau kedudukan kewangan anda melalui semakan rujukan kredit;
- b. Untuk memaklumkan anda mengenai lebih banyak maklumat dan yang terkini seperti penambahbaikan dan ciri-ciri baru kepada produk dan perkhidmatan yang sedia ada, pembangunan produk, perkhidmatan dan promosi baru yang mungkin menarik bagi anda;
- c. Mengurus dan menyimpan akaun(akaun-akaun) anda melalui kemas kini, penyatuan dan menambah baik ketepatan rekod kami secara kerap. Dengan cara ini kami dapat bertindak kepada pertanyaan, aduan anda dan menyelesaikan pertikaian dengan cepat agar kami dapat menambah baik perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami;
- d. Menjalankan penyelidikan untuk tujuan analitik, mendapatkan data dan menganalisis urusan niaga anda/ penggunaan produk dan perkhidmatan untuk lebih memahami kedudukan kewangan/pelaburan semasa dan keperluan masa hadapan anda. Kami juga akan mengeluarkan data, laporan dan statistik dari masa ke masa, walau bagaimanapun maklumat tersebut akan diagregatkan agar identiti anda tetap dirahsiakan;
- e. Mematuhi dengan kehendak mana-mana undang-undang dan peraturan yang mengikat kami seperti menjalankan semakan anti pengubahan wang haram, pengesanan/ pencegahan jenayah, pendakwaan, perlindungan dan keselamatan;
- f. Penguatkuasaan hak kami untuk mendapatkan kembali apa-apa hutang yang terhutang kepada kami termasuk memindahkan atau menyerahkan hak, kepentingan dan obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- g. Dalam perjalanan biasa perancangan perniagaan am, fungsi pengawasan, perumusan strategi dan membuat keputusan dalam Kumpulan AmBank;
- h. Untuk mentadbir dan membangun Pengurus dan/atau syarikat-syarikat berkaitan Pengurus dalam perhubungan perniagaan Kumpulan AmBank dengan anda;
- i. Menyumber keluar operasi perniagaan dan bilik belakang dalam Kumpulan AmBank dan/atau lain-lain penyedia perkhidmatan; dan
- j. Apa-apa tujuan(tujuan-tujuan) lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, standard, garis panduan dan/atau pihak berkuasa berperaturan termasuk dengan pemegang amanah Dana.

Pelabur-pelabur dinasihatkan untuk membaca Notis Privasi kami yang terkini atau yang dikemas kini (notis

## **INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021**

disediakan sebagaimana diperlukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) yang terdapat di laman web kami di *www.aminvest.com*. Notis Privasi kami boleh disemak dari masa ke masa dan sekiranya ada atau terdapat apa-apa semakan, ia akan diposkan di laman web kami dan/atau lain-lain cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh kami. Walau bagaimana pun, apa-apa semakan(semakan-semakan) hendaklah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

**Melainkan diperuntukkan di sebaliknya dalam Prospektus Tambahan Pertama ini, kesemua terma dalam huruf besar digunakan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini akan membawa maksud yang sama sebagaimana diberikan kepadanya dalam Prospektus bertarikh 16 April 2021 (“Prospektus”).**

### **NOTA-NOTA PENJELASAN**

Prospektus Tambahan Pertama ini telah dikeluarkan untuk memaklumkan pelabur-pelabur:

- (i) kemas kini mengenai maklumat korporat Pemegang Amanah dan wakil Pemegang Amanah;
- (ii) perubahan dalam komposisi lembaga pengarah Pengurus;
- (iii) perubahan dalam komposisi jawatankuasa pelaburan Dana;
- (iv) perubahan dalam pengurus dana yang ditetapkan Dana; dan
- (v) kemas kini mengenai surat penasihat cukai.

### **A. PANDUAN KORPORAT**

#### **Muka surat xv Prospektus**

- (i) Maklumat mengenai “Pemegang Amanah” dalam seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhan dan diganti dengan yang berikut:

#### **“PEMEGANG AMANAH**

HSBC (Malaysia) Trustee Berhad (No. Pendaftaran: 193701000084 [1281-T])  
Pejabat Berdaftar & Perniagaan  
Aras 19, Menara IQ  
Lingkar TRX  
55188 Tun Razak Exchange  
Kuala Lumpur  
No. Tel: 603 2075 7800  
No. Faks: 603 8894 2611”

- (ii) Maklumat mengenai “Wakil Pemegang Amanah” dalam seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhan dan diganti dengan yang berikut:

#### **“WAKIL PEMEGANG AMANAH**

Aset-aset tempatan dan asing:  
The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian)  
6/F, Tower 1, HSBC Centre  
1 Sham Mong Road, Hong Kong  
No. Tel.: (852) 2288 1111

Aset-aset tempatan (bagi pelaburan tempatan yang disebut harga dan tidak disebut harga Dana):  
The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian) dan aset-aset dipegang melalui HSBC Bank Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 198401015221 [127776-V])

## INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021

Aras 21  
Menara IQ  
Lingkar TRX  
55188 Tun Razak Exchange  
Kuala Lumpur  
Tel: (03) 2075 3000  
Faks: (03) 8894 2588  
Laman web: [www.hsbc.com.my](http://www.hsbc.com.my)

The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian) dan aset-aset dipegang melalui HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 199301004117 [258854-D])

Aras 21  
Menara IQ  
Lingkar TRX  
55188 Tun Razak Exchange  
Kuala Lumpur  
Tel: (03) 2075 3000  
Faks: (03) 8894 2588

### B. SEKSYEN 6 – MENGENAI PENGURUS

#### Muka surat 39 Prospektus

#### Seksyen 6.3 Para Pengarah dan Personel Penting

- (i) Profil Sum Leng Kuang (Bebas) dengan ini dipotong secara keseluruhan dan diganti dengan yang berikut:
- “**Jas Bir Kaur a/p Lol Singh (Bebas)**, berusia 64 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AFM pada 1 Julai 2021 sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif. Beliau juga merupakan pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dana AFM dan Amlslamic Funds Management Sdn Bhd. Beliau memegang ijazah dalam bidang Ekonomi dan Pentadbiran Perniagaan (Ekonomi Analitik) daripada Universiti Malaya, Sarjana Sains (Kewangan) daripada University of Strathclyde, Glasgow, Scotland dan Sarjana Psikologi Pengurusan (sambilan) keduanya daripada Universiti HELP, Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan Jurulatih Profesional Bertauliah (Akademi Jurulatih Korporat) dan pengantara bertauliah di bawah Pusat Pengantaraan Malaysia. Sepanjang kerjaya beliau, beliau pernah memegang jawatan kanan di Bank Negara Malaysia, SC dan Value Partners Hong Kong, sebuah syarikat pengurusan aset yang disenaraikan di Bursa Saham Hong Kong. Beliau pada masa ini menganggotai panel pengantara untuk Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC). Beliau pada masa ini menganggotai lembaga pengarah Pacific Trustees Berhad dan Federation of Investment Managers Malaysia.
  - **Ng Chih Kaye (Bebas)**, berusia 66 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AFM pada 1 Julai 2021 sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif. Beliau memulakan kerjayanya di sebuah firma Akauntan Bertauliah di London dan kemudiannya di KPMG, Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya berkhidmat dengan Malayan Banking Berhad selama 25 tahun dalam bidang audit dalaman, kawalan kredit dan pemuliharaan aset sehingga beliau bersara sebagai Naib Presiden Eksekutif pada 2010. Encik Ng adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (“MIA”) dan Felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), United Kingdom. Beliau telah menjadi ahli Jawatankuasa Insolvensi Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan MIA selama lebih daripada 15 tahun dan kekal sebagai ahli sehingga kini. Pada masa ini, Encik Ng adalah pemeriksa dengan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) untuk program Pensijilan Kredit Profesional dan Pengurusan Risiko dalam program Perbankan. Beliau juga merupakan

## INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021

ahli panel Agensi Akreditasi Kewangan (FAA). Beliau pada masa ini menganggotai lembaga pengarah AmBank (M) Berhad dan Shangri-La Hotels (Malaysia) Berhad.”

(ii) Profil Wong Yew Joe – Ketua Pegawai Pelaburan (CIO) dengan ini dipotong secara keseluruhan dan diganti dengan yang berikut:

▪ **“Wong Yew Joe – Ketua Pegawai Pelaburan (CIO)**

Wong Yew Joe, 46 tahun, adalah Ketua Pegawai Pelaburan AFM yang menyelia pelaburan dalam firma. Beliau mempunyai lebih daripada 21 tahun pengalaman dalam perkhidmatan kewangan dan pengurusan dana. Sepanjang tempoh ini, peranan beliau meliputi analisis pelaburan, perdagangan dan pengurusan portfolio. Beliau juga memainkan peranan penting dalam pembangunan produk, pembangunan perniagaan dan mengurus perhubungan klien. Yew Joe mula-mula menyertai Bahagian Pengurusan Dana pada 2006 sebagai pengurus dana. Jawatan terakhir beliau adalah Ketua Pendapatan Tetap yang melaporkan kepada Ketua Pegawai Pelaburan dan menyelia pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap Islam dan instrumen berkaitan lain. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan dan Kewangan) dari universiti Australia. Beliau juga memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal bagi aktiviti dikawal atur pengurusan dana.”

### Muka surat 40 Prospektus

Maklumat mengenai “Pengurus Dana yang Dilantik Dana” dengan ini dipotong secara keseluruhan dan diganti dengan yang berikut:

**“Pengurus Dana yang Dilantik Dana**

- **Wong Yew Joe**  
(Sila rujuk kepada yang di atas)”

### Muka surat 40 Prospektus

#### Seksyen 6.4 Jawatankuasa Pelaburan

Perenggan kedua dan ketiga s ini dengan ini dipotong secara keseluruhan dan diganti dengan yang berikut:

“Jawatankuasa pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut:-

- Jas Bir Kaur a/p Lol Singh (Bebas)
- Izad Shahadi bin Mohd Sallehuddin (Bebas)
- Mustafa Bin Mohd Nor (Bebas)
- Goh Wee Peng (Bukan Bebas)

Profil jawatankuasa pelaburan Dana adalah seperti berikut:

- **Jas Bir Kaur a/p Lol Singh (Pengerusi)**  
(Sila rujuk kepada yang di atas)

## INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021

### ▪ Izad Shahadi bin Mohd Sallehuddin

Izad Shahadi bin Mohd Sallehuddin, berusia 41 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah Amlslamic Funds Management Sdn Bhd pada 1 Julai 2021 sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko Amlslamic Funds Management Sdn Bhd, dan ahli Jawatankuasa Pelaburan dana AFM dan Amlslamic Funds Management Sdn Bhd. Beliau memegang BSc Ekonomi (Kepujian) daripada London School of Economics and Political Science dan ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada University of Nottingham. Beliau juga telah menamatkan Program Kepimpinan Eksekutif Berkeley di Haas School of Business, University of California Berkeley. Beliau mempunyai lebih 15 tahun pengalaman bekerja di institusi kewangan, termasuk bank pelaburan besar global terkemuka, seperti UBS dan Citigroup yang memfokuskan pada ekuiti. Beliau juga mempunyai pengalaman dalam aktiviti mengumpul dana serta mengurus dan memulihkan aset syarikat berkaitan kerajaan. Beliau sebelum ini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Urusharta Jamaah Sdn Bhd dan Ketua Pegawai Pelaburan Penjana Kapital Sdn Bhd.

### ▪ Mustafa Bin Mohd Nor

(Sila rujuk kepada yang di atas)

### ▪ Goh Wee Peng

(Sila rujuk kepada yang di atas)”

## C. SEKSYEN 7 – MENGENAI PEMEGANG AMANAH

### Muka surat 42 Prospektus

#### Seksyen 7.1 Maklumat Korporat

Maklumat dalam seksyen ini dengan ini dipotong secara keseluruhan dan diganti dengan yang berikut:

Pemegang Amanah adalah HSBC (Malaysia) Trustee Berhad (No. Pendaftaran: 193701000084 [1281-T]), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia sejak 1937 dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949, dengan alamat berdaftaranya di Aras 19, Menara IQ, Lingkaran TRX, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

### Muka surat 42 – 43 Prospektus

#### Seksyen 7.4 Wakil Pemegang Amanah

Maklumat mengenai “Butir-butir mengenai Wakil Pemegang Amanah” dengan ini dipotong secara keseluruhan dan diganti dengan yang berikut:

“Butir-butir mengenai Wakil Pemegang Amanah

Aset tempatan dan asing:

The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian)

6/F, Tower 1, HSBC Centre

1 Sham Mong Road, Hong Kong

No Telefon: (852)2288 1111

Aset tempatan (bagi pelaburan tempatan disebut harga dan tidak disebut harga Dana):

The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian) dan aset dipegang melalui HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 199301004117 [258854-D])

Aras 21

Menara IQ

Lingkaran TRX

55188 Tun Razak Exchange

Kuala Lumpur

Tel: (03) 2075 3000

## INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021

Faks: (03) 8894 2588

The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian) dan aset dipegang melalui HSBC Bank Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 198401015221 [127776-V])

Aras 21

Menara IQ

Lingkar TRX

55188 Tun Razak Exchange

Kuala Lumpur

Tel: (03) 2075 3000

Faks: (03) 8894 2588”

### D. SEKSYEN 11–PERCUKAIAN

#### Muka surat 56 – 62 Prospektus

Surat penasihat cukai dengan ini dipotong secara keseluruhan dan diganti dengan yang berikut:

16 Februari 2022

Lembaga Pengarah

**AmFunds Management Berhad**

Tingkat 9 & 10, Bangunan AmBank Group

No.55, Jalan Raja Chulan

50200 Kuala Lumpur

Tuan

**FTSE Bursa Malaysia KLCI etf**

**Percukaaian Dana dan Pemegang-pemegang Unit**

1. Surat ini telah disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus Tambahan Pertama (selepas ini dirujuk sebagai “Prospektus”) berhubung dengan tawaran unit-unit dalam FTSE Bursa Malaysia KLCI etf (selepas ini dirujuk sebagai “Dana”).

Yang berikut adalah maklumat am berdasarkan undang-undang cukai Malaysia yang berkuat kuasa pada masa penyerahan simpan Prospektus dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) dan pelabur-pelabur hendaklah menyedari bahawa undang-undang cukai mungkin berubah pada bila-bila masa. Sehingga tahap tertentu, pemakaian undang-undang cukai bergantung kepada keadaan individu pelabur. Maklumat yang disediakan di bawah tidak membentuk nasihat undang-undang cukai. Pengurus dengan itu mengesyorkan agar pelabur meminta nasihat akauntan atau penasihat cukai beliau mengenai persoalan tentang kedudukan cukai individu beliau.

#### 2. Percukaaian Dana

##### 2.1 Cukai Pendapatan

Memandangkan Pemegang Amanah Dana adalah residen di Malaysia, Dana dianggap sebagai residen di Malaysia. Percukaaian Dana adalah pada dasarnya ditadbir oleh Seksyen 61 dan 63B Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967 (“MITA”).

## **INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021**

Selaras dengan Seksyen 2(7) MITA, apa-apa rujukan kepada faedah akan terpakai, *mutatis mutandis*, kepada laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, sebagai ganti faedah, dalam urus niaga yang dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Kesan daripada ini adalah bahawa apa-apa laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, sebagai ganti faedah, dalam urus niaga yang dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah, akan diberi pengolahan cukai yang sama seolah-olah ia adalah faedah.

Pendapatan Dana berhubung dengan dividen, faedah atau keuntungan daripada deposit dan lain-lain pendapatan pelaburan (selain daripada pendapatan yang dikecualikan daripada cukai) yang diperoleh daripada atau terakru di Malaysia atau diterima di Malaysia dari di luar Malaysia adalah boleh dikenakan cukai pendapatan. Dana mungkin menerima pendapatan seperti yuran keluar yang akan menjadi tertakluk kepada cukai pada kadar cukai lazim yang terpakai ke atas Dana. Laba atas pelupusan pelaburan oleh Dana tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan.

Kadar cukai pendapatan terpakai kepada Dana adalah 24%.

Faedah dikecualikan cukai sebagaimana tersenarai dalam Apendiks dilampirkan yang diterima oleh Dana adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan.

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2014, Malaysia berpindah sepenuhnya kepada sistem cukai pendapatan satu tier. Dana tidak tertakluk kepada cukai ke atas mana-mana dividen diperoleh dari Malaysia yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada Dana di bawah sistem cukai satu tier, di mana syarikat membayar dividen tersebut tidak berhak untuk menolak cukai di bawah MITA. Potongan cukai untuk potongan lain oleh Dana terhadap pendapatan dividen tersebut tidak akan diambil kira dalam menentukan pendapatan Dana yang boleh dicukai.

Selain daripada dividen satu tier yang mungkin diterima oleh Dana, Dana mungkin juga menerima dividen Malaysia yang dikecualikan cukai daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat yang telah sebelum ini menikmati atau pada masa ini menikmati pelbagai insentif cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Dana adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan ke atas pendapatan dividen yang dikecualikan cukai tersebut.

Dana juga mungkin menerima dividen, keuntungan dan lain-lain pendapatan daripada pelaburan di luar Malaysia. Sebelum Akta Kewangan 2021 dikeluarkan, pendapatan yang timbul daripada sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia melalui amanah saham dikecualikan daripada cukai pendapatan Malaysia. Walau bagaimanapun, pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan sumber asing tidak lagi tersedia untuk Dana memandangkan hanya pendapatan seseorang yang bukan residen di Malaysia timbul daripada sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia dikecualikan daripada cukai berkuat kuasa dari 1 Januari, 2022. Tanpa mengambil kira yang di atas, Kementerian Kewangan (MoF) telah mengeluarkan siaran akhbar pada 30 Disember 2021 yang menyatakan bahawa MoF telah bersetuju untuk mengecualikan residen cukai Malaysia daripada pengenaan cukai (tertakluk kepada kriteria dan garis panduan) berkuat kuasa dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2026 ke atas pendapatan sumber asing berikut:-

- Pendapatan dividen yang diterima oleh syarikat dan perkongsian liabiliti terhad; dan
- Semua jenis pendapatan sumber asing yang diterima oleh individu, kecuali mereka yang menjalankan perniagaan perkongsian di Malaysia.

Semua bukan residen di Malaysia (individu, syarikat dan lain-lain) akan terus dikecualikan daripada pengenaan cukai ke atas semua pendapatan sumber asing yang



## **INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021**

diterima selaras dengan Perenggan 28, Jadual 6 MITA.

Pendapatan Dana yang diterima di Malaysia dari luar Malaysia dalam tempoh dari 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 adalah tertakluk kepada kadar cukai 3% ke atas pendapatan sumber asing kasar yang dihantar ke Malaysia. Pendapatan sumber asing yang diterima di Malaysia mulai 1 Julai 2022 ke atas akan dikenakan cukai berdasarkan kadar cukai pendapatan lazim yang terpakai pada Dana, iaitu 24%. Selain itu, pendapatan sumber asing Dana mungkin tertakluk kepada cukai asing di negara daripada mana pendapatan diperoleh. Menurut Jadual 7 MITA, di mana pendapatan yang boleh dikenakan cukai di Malaysia serta di negara asing, pelepasan hendaklah diberikan melalui kredit yang dikenali sebagai kredit dua hala sekiranya negara sumber mempunyai perjanjian cukai dengan Malaysia di mana kredit cukai asing hendaklah ditolak sehingga 100% daripada cukai asing yang ditanggung dan kredit unilateral sekiranya negara sumber tidak mempunyai perjanjian cukai dengan Malaysia di mana kredit cukai asing hendaklah ditolak sehingga 50% daripada cukai asing yang ditanggung.

Pengolahan cukai instrumen perlindungan nilai akan bergantung kepada instrumen perlindungan nilai tertentu yang dimasuki. Pada amnya, apa-apa keuntungan atau kerugian berkait dengan bahagian pokok akan dianggap sebagai keuntungan atau kerugian modal. Keuntungan atau kerugian berkait dengan bahagian pendapatan akan biasanya dianggap sebagai keuntungan atau kerugian hasil. Keuntungan atau kerugian ke atas penilaian semula akan hanya dicukai atau dituntut apabila direalisasikan. Apa-apa keuntungan atau kerugian ke atas pertukaran asing adalah dianggap sebagai keuntungan atau kerugian modal sekiranya ia timbul daripada penilaian semula bahagian pokok pelaburan.

Pada amnya, pendapatan daripada pengagihan oleh Amanah Pelaburan Harta Tanah Malaysia ("REIT") akan diterima bersih daripada cukai tahanan sebanyak 10%. Tiada cukai selanjutnya perlu dibayar oleh Dana ke atas pengagihan. Pengagihan daripada pendapatan tersebut oleh Dana juga tidak akan tertakluk kepada cukai selanjutnya dalam tangan Pemegang-pemegang Unit.

Perbelanjaan yang merupakan imbuhan pengurus, penyelenggaraan daftar Pemegang-pemegang Unit, perbelanjaan pendaftaran saham, yuran kesetiausahaan, audit dan perakaunan, caj telefon, kos pencetakan dan alat tulis dan pos, yang tidak dibenarkan di bawah peraturan potongan am, layak bagi potongan khas, tertakluk kepada minimum 10% dan maksimum 25% daripada perbelanjaan tersebut selaras dengan Seksyen 63B MITA.

### **2.2 Keuntungan ke atas Pelupusan Pelaburan**

Keuntungan ke atas pelupusan pelaburan oleh Dana tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan tetapi di mana pelaburan mewakili saham-saham dalam syarikat-syarikat harta tanah, keuntungan tersebut mungkin tertakluk kepada Cukai Keuntungan Harta Tanah ("RPGT") di bawah Akta RPGT, 1976. Sebuah syarikat harta tanah adalah syarikat terkawal yang memiliki atau membeli harta tanah atau saham-saham dalam syarikat harta tanah dengan nilai pasaran tidak kurang daripada 75% daripada jumlah aset ketaranya. Sebuah syarikat terkawal adalah syarikat yang tidak mempunyai lebih daripada 50 ahli dan dikawal oleh tidak lebih daripada 5 orang.

# INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021

## 2.3 Cukai Perkhidmatan

Penerbitan unit-unit oleh Dana kepada pelabur-pelabur tidak akan tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan. Sebarang pengagihan yang dibuat oleh Dana kepada Pemegang-pemegang Unit juga tidak tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan. Dana tidak akan diperlukan untuk membayar Cukai Perkhidmatan ke atas pengambilalihan perkhidmatan pengurusan Dana daripada Pengurus Dana.

Sehingga tahap yang Dana labur dalam mana-mana produk perkhidmatan kewangan (sebagai contoh sekuriti, derivatif, unit-unit dalam dana atau amanah saham), pengambilalihan kepentingan ini juga tidak akan tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan.

Sekiranya Dana memperoleh mana-mana perkhidmatan boleh dicukai yang diimport daripada penyedia perkhidmatan luar Malaysia, perkhidmatan ini akan menjadi tertakluk kepada 6% Cukai Perkhidmatan. Dana akan diperlukan untuk memfailkan penyata SST-02A atas dasar *ad hoc* dan melaporkan serta membayar jumlah cukai ini kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

## 3. Percukaian Pemegang-pemegang Unit

### 3.1 Pengagihan Boleh Dicukai

Pemegang-pemegang Unit akan dikenakan cukai ke atas jumlah yang bersamaan dengan bahagian mereka daripada jumlah pendapatan Dana boleh dicukai sehingga tahap pendapatan tersebut diagihkan kepada mereka. Pemegang-pemegang Unit juga bertanggungjawab untuk membayar cukai pendapatan ke atas pengagihan pendapatan boleh dicukai yang dibayar oleh Dana. Pengagihan pendapatan boleh dicukai membawa kredit cukai berhubung dengan cukai boleh dikenakan ke atas bahagian tersebut daripada Dana. Pemegang-pemegang Unit akan tertakluk kepada cukai ke atas jumlah bersamaan dengan pengagihan pendapatan boleh dicukai bersih campur cukai mendasari boleh dikaitkan dibayar oleh Dana. Tiada cukai tahanan akan dikenakan ke atas pengagihan pendapatan Dana.

Pendapatan diagihkan kepada Pemegang-pemegang Unit biasanya boleh dicukai seperti berikut di Malaysia :-

<b>Pemegang-pemegang Unit</b>	<b>Kadar Cukai Malaysia bagi Tahun Taksiran 2020</b>	<b>Kadar Cukai Malaysia bagi Tahun Taksiran 2021</b>
Residen cukai Malaysia: <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Pemegang-pemegang Unit Individu dan bukan korporat</li><li>▪ Pertubuhan koperas</li><li>▪ Badan amanah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 30%</li><li>▪ Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 24%</li><li>▪ 24%</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 30%</li><li>▪ Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 24%</li><li>▪ 24%</li></ul>

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021**

<b>Pemegang-pemegang Unit</b>	<b>Kadar Cukai Malaysia bagi Tahun Taksiran 2020</b>	<b>Kadar Cukai Malaysia bagi Tahun Taksiran 2021</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemegang-pemegang Unit Korporat               <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Syarikat dengan modal berbayar berhubung dengan saham biasa tidak lebih daripada RM2.5 juta di mana modal berbayar berhubung dengan saham biasa lain-lain syarikat dalam kumpulan yang sama dengan syarikat tersebut adalah tidak lebih daripada RM2.5 juta (pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran) dan mempunyai pendapatan kasar daripada sumber atau sumber-sumber yang terdiri daripada perniagaan tidak lebih daripada RM50 juta bagi tempoh asas tahun taksiran</li> <li>ii. Syarikat-syarikat selain daripada yang disebut dalam (i) di atas</li> </ul> </li> </ul> <p>Residen cukai bukan Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemegang-pemegang Unit Individu dan bukan korporat</li> <li>▪ Pertubuhan koperasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 17% bagi setiap RM600,000 pertama daripada pendapatan boleh dikenakan cukai</li> <li>▪ 24% bagi pendapatan boleh dikenakan cukai melebihi RM600,000</li>   <li>▪ 24%</li>   <li>▪ 30%</li> <li>▪ 24%</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 17% bagi setiap RM600,000 pertama daripada pendapatan boleh dikenakan cukai</li> <li>▪ 24% bagi pendapatan boleh dikenakan cukai melebihi RM600,000</li>   <li>▪ 24%</li> <li>▪ 33% bagi pendapatan boleh dikenakan cukai melebihi RM100,000,000 bagi tahun taksiran 2022 sahaja</li>   <li>▪ 30%</li> <li>▪ 24%</li> </ul>

Kredit cukai yang boleh dikaitkan kepada pendapatan diagih kepada Pemegang-

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021**

pemegang Unit akan tersedia untuk ditolak terhadap cukai yang perlu dibayar oleh Pemegang-pemegang Unit. Tiada cukai tahanan ke atas pengagihan boleh dicukai yang dibuat kepada Pemegang-pemegang Unit bukan residen.

Pemegang-pemegang Unit bukan residen juga boleh menjadi tertakluk kepada cukai dalam bidang kuasa mereka masing-masing dan bergantung pada peruntukan perundangan cukai berkenaan dan apa-apa triti cukai dua kali dengan Malaysia, cukai Malaysia yang ditanggung boleh dikreditkan dalam bidang kuasa cukai asing.

**3.2 Cukai Tahanan ke atas Pengagihan daripada Dana Pasaran Wang Runcit (“RMMF”) kepada Pemegang-pemegang Unit**

Pengagihan pendapatan dana amanah saham yang merupakan RMMF kepada Pemegang-pemegang Unitnya (selain daripada pengagihan pendapatan faedah kepada Pemegang-pemegang Unit bukan individu) dikecualikan daripada cukai di tangan Pemegang-pemegang Unit. Pemegang-pemegang Unit bukan individu akan dikenakan cukai ke atas pendapatan yang diagihkan kepada Pemegang-pemegang Unit daripada pendapatan faedah RMMF yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6 MITA berkuat kuasa dari 1 Januari 2022 seperti berikut:-

<b>Jenis Pemegang-pemegang Unit</b>	<b>Kadar Cukai Malaysia bagi Tahun Taksiran 2022</b>
Residen bukan individu: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kadar cukai tahanan</li> <li>▪ Mekanisme cukai tahanan</li> <li>▪ Tarikh bayaran akhir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 24%</li> <li>▪ Pengagihan pendapatan membawa kredit cukai, yang boleh digunakan untuk menolak cukai yang perlu dibayar oleh Pemegang-pemegang Unit</li> <li>▪ Cukai tahanan hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam tempoh satu bulan daripada pengagihan pendapatan faedah</li> </ul>
Bukan individu bukan residen: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kadar cukai tahanan</li> <li>▪ Mekanisme cukai tahanan</li> <li>▪ Tarikh bayaran akhir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 24%</li> <li>▪ Cukai tahanan yang ditolak akan dianggap sebagai cukai akhir</li> <li>▪ Cukai tahanan hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam tempoh satu bulan daripada pengagihan pendapatan faedah</li> </ul>

Memandangkan Dana bukan RMMF, cukai tahanan di atas ke atas pengagihan pendapatan faedah yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6 MITA tidak akan terpakai kepada Pemegang-pemegang Unit bukan individu Dana.

## **INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021**

### **3.3 Pengagihan Dikecualikan Cukai**

Pengagihan dikecualikan cukai yang dibuat daripada keuntungan daripada realisasi pelaburan dan lain-lain pendapatan dikecualikan yang diperoleh oleh Dana tidak akan menjadi tertakluk kepada cukai Malaysia dalam tangan Pemegang-pemegang Unit, sama ada individu atau korporat, residen atau bukan residen. Kesemua Pemegang Unit tidak membayar cukai ke atas bahagian pengagihan pendapatan mereka daripada akaun penyamaan pengagihan Dana.

### **3.4 Baucar Pengagihan**

Untuk membantu melengkapkan penyata cukai Pemegang-pemegang Unit, Pengurus akan menghantar kepada setiap Pemegang Unit baucar pengagihan bila dan apabila pengagihan dibuat. Ini menetapkan pelbagai komponen pendapatan diagih dan jumlah boleh dikaitkan dengan cukai pendapatan yang telah pun dibayar oleh Dana.

### **3.5 Jualan, Pemindahan atau Penebusan Unit**

Apa-apa keuntungan yang direalisasikan oleh Pemegang Unit ke atas jualan, pemindahan atau penebusan unit-unit beliau adalah biasanya keuntungan modal bebas cukai melainkan Pemegang Unit adalah syarikat insurans, institusi kewangan atau orang yang berdagang atau berurusan dalam sekuriti. Pada amnya, keuntungan yang direalisasi oleh kategori Pemegang Unit ini membentuk pendapatan perniagaan di mana cukai boleh dikenakan.

### **3.6 Pelaburan Semula Pengagihan**

Pemegang-pemegang Unit yang menerima pengagihan pendapatan mereka melalui pelaburan dalam bentuk pembelian unit-unit baru akan dianggap telah menerima pengagihan pendapatan selepas cukai mereka dan melaburkan semula jumlah tersebut ke dalam Dana.

### **3.7 Pecahan Unit**

Pecahan-pecahan unit yang diterbitkan oleh Dana tidak boleh dicukai dalam tangan Pemegang-pemegang Unit.

### **3.8 Cukai Perkhidmatan**

Selaras dengan Lampiran A Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 ("Jadual Pertama"), hanya perkhidmatan bercukai yang disenaraikan dalam Jadual Pertama adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Ini tidak termasuk mana-mana pendapatan pelaburan atau keuntungan yang diterima oleh Pemegang Unit memandangkan pendapatan dan keuntungan tersebut tidak ditetapkan perkhidmatan boleh dicukai.

Yuran guaman, yuran perunding dan yuran pengurusan mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada 6% sekiranya penyedia perkhidmatan berdaftar bagi Cukai Perkhidmatan. Berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, pengenaan dan skop cukai perkhidmatan telah diperluaskan untuk memasukkan mana-mana perkhidmatan boleh dicukai diimport.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA  
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021**

Kami dengan ini mengesahkan bahawa kenyataan yang dibuat dalam surat penasihat cukai ini dengan betul menggambarkan pemahaman kami dan tafsiran perundangan cukai Malaysia semasa serta tafsiran dan amalan yang berkaitan dengannya, yang kesemuanya mungkin tertakluk kepada perubahan. Pandangan kami di atas bersifat umum dan meliputi percukaian dalam konteks perundangan cukai Malaysia sahaja dan tidak meliputi perundangan cukai asing. Pandangan tersebut tidak mewakili nasihat cukai khusus kepada mana-mana pelabur dan kami mengesyorkan agar pelabur mendapatkan nasihat bebas mengenai isu cukai yang berkaitan dengan pelaburan mereka dalam Dana.

Yang benar

**Mark Chan Keat Jin**  
Pengarah Eksekutif  
Deloitte Tax Services Sdn Bhd

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA  
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021**

**Apendiks**

**Pendapatan Amanah Saham Dikecualikan Cukai**

1. Faedah atau diskaun dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana individu, amanah saham dan dana tertutup tersenarai berhubung dengan yang berikut akan dikecualikan daripada cukai: -
  - Sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan; atau
  - Debentur atau sukuk, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserahkan simpan dengan, SC; atau
  - Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.
2. Pendapatan amanah saham berhubung dengan faedah yang diperolehi dari Malaysia dan dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") or atau mana-mana institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 ("DFIA").

Dengan syarat bahawa pengecualian tidak terpakai kepada faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada amanah saham yang adalah dana jualan borong yang merupakan dana pasaran wang.
3. Faedah berhubung dengan mana-mana sijil simpanan yang diterbitkan oleh Kerajaan.
4. Faedah dibayar atau dikredit kepada mana-mana orang berhubung dengan Sukuk yang berasal daripada Malaysia, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang selain daripada RM dan diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserahkan simpan dengan, SC atau diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan.
5. Faedah yang diterima berhubung dengan bon-bon dan sekuriti-sekuriti yang diterbitkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad di dalam dan di luar Malaysia.
6. Pendapatan faedah yang diperolehi daripada bon-bon (selain daripada stok pinjaman boleh tukar) yang dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana syarikat yang tersenarai di Malaysia Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation Berhad ("MESDAQ") (sekarang dikenali sebagai Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad).
7. Pendapatan yang diperolehi daripada Terbitan Sukuk yang telah diterbitkan oleh Malaysia Global Sukuk Inc.
8. Diskaun atau keuntungan yang diterima daripada jualan bon-bon atau sekuriti-sekuriti yang diterbitkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad atau Danaharta Urus Sendirian Berhad di dalam dan di luar Malaysia.
9. Pendapatan yang diperolehi daripada Sukuk Ijarah, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang oleh 1Malaysia Sukuk Global Berhad.
10. Laba atau keuntungan yang diterima daripada pelaburan dalam sekuriti Islam, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan selaras dengan prinsip *Mudharabah*, *Musyarakah*, *Ijarah*, *Istisna'* atau mana-mana prinsip lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan oleh SC di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
11. Laba atau keuntungan sebagai ganti faedah, diperolehi daripada Sukuk Wakala selaras dengan prinsip *Al-Wakala Bil Istithmar*, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang oleh Wakala Global Sukuk Berhad.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG HENDAKLAH DIBACA BERSAMA  
DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021**

12. Pendapatan yang diperoleh daripada Sukuk Kijang adalah dikecualikan daripada bayaran cukai pendapatan selaras dengan Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) Perintah 2013. Bagi tujuan perintah ini, "Sukuk Kijang" bermaksud Sekuriti Islam bernilai nominal sehingga dua ratus dan lima puluh juta dolar Amerika Syarikat (USD\$250,000,000) diterbitkan atau akan diterbitkan selaras dengan prinsip Syariah Ijarah oleh BNM Kijang Berhad.
13. Laba atau keuntungan yang diperoleh, sebagai ganti faedah, diperoleh daripada Sukuk Wakala dengan nilai nominal sehingga satu bilion dan lima ratus juta Dolar Amerika Syarikat (USD1,500,000,000.00) selaras dengan prinsip *Wakala Bil Istithmar*, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan oleh Malaysia Sovereign Sukuk Berhad.
14. Laba atau keuntungan yang diperoleh, sebagai ganti faedah daripada Sukuk Wakala dengan nilai nominal sehingga satu bilion dan lima ratus juta Dolar Amerika Syarikat (US\$1,500,000,000.00) in selaras dengan prinsip *Wakala*, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan oleh Malaysia Sukuk Global Berhad (dahulunya dikenali sebagai 1Malaysia Sukuk Global Berhad).
15. Pendapatan yang diterima oleh Dana daripada Malaysia Building Society Berhad.